



MUHAMMAD AZAM



ISMAIL ALI



A. GHAFAR

## Program Bicara @ Muzium 2023 14 Oktober ini

UB 07.10.2023 P.08

**LABUAN:** Jabatan Muzium Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan (JMMWPL) dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akan menganjurkan Program Bicara @ Muzium ‘Monumen Chimney sebagai Mercu Tanda Sejarah Labuan’ pada 14 Oktober ini di UMSKAL di sini.

Pengarah Muzium Labuan Muhammad Azam Adnan berkata, program Bicara @ Muzium adalah program signature Jabatan Muzium Malaysia dengan objektif jalinan kerjasama strategik melalui ahli-ahli akademik, para penyelidik dan kumpulan profesional untuk berkongsi ilmu ke-pakaran dan penyelidikan kepada masyarakat.

Katanya, topik ‘Monumen Chimney Sebagai Mercu Tanda Sejarah Labuan’ anjuran Muzium Chimney merupakan pendekatan sig-

nifikan yang dipilih memfokuskan tentang sejarah awal peradaban Labuan daripada perspektif penyelidikan monumen dan konservasi.

Beliau berkata, pengajuran program ini secara langsung mempromosikan sejarah dan peranan Muzium Chimney sebagai tapak ikon kebangsaan perlombongan arang batu yang dikesan antara terawal pernah wujud di Malaysia.

“Seramai kira-kira 200 peserta dari pelbagai lapisan profesi dijangka menyertai program itu yang akan diadakan di Dewan Kulih Pusat 2 dari jam 8 pagi hingga 1 petang,” katanya.

Program itu bakal menampilkan dua ahli panel penceramah iaitu Pensyarah Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan (FSSK) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Dr Ismail Ali yang akan berbicara

mengenai Chimney Sebagai Mercu Tanda Peradaban Maritim Pulau Labuan.

Manakala, Pensyarah Pusat Pengajian Perumahan Bangunan dan Perancangan, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. A. Ghafar Ahmad dengan tajuk: Monumen Chimney Dari Sudut Pandang Dokumentasi Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia.

Muhammad Azam berkata, program itu turut dilaksanakan secara kolaboratif dengan Kelab Sukarelawan Siswa UMSKAL (KESUWA-KAL) selaku urus setia bersama.

“Program pendidikan ini adalah usaha positif memberi nilai tambah, sumber dan maklumat pendokumentasi sejarah WP Labuan ke arah memacu usaha progresif perpaduan nasional demi memelihara warisan, sejarah dan budaya masyarakat secara berterusan,” katanya.